




الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor



**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor

**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**
MS. FAKHIRA JAFRI
MS. CINDY ROBERT
MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI
MS. SHIRLEY CLARE JERI
Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**
Records & Archives



MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design
MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster
**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**
Internship Trainee



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

NEWS AND ARTICLES

PECUTAN AKHIR MATEMATIK PRA-DIPLOMA DORONG PELAJAR KEKAL CEMERLANG!

Penulis: Hazfina Mohamed Idris, Sarah Farhana Zamalik, Tang Howe Eng, Suffina Long, Tracy Adeline Ajol dan Siti Nur Atiqah Mohd Shafie

Pada 24 Januari 2026 yang lepas, Fakulti Sains Komputer & Matematik (FSKM) telah menganjurkan Bengkel Pecutan Akhir Matematik Pra-Diploma. Program ini dianjurkan khusus untuk kesemua para pelajar yang mengambil kod kursus Matematik di peringkat pengajian pra-diploma. Tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk membantu pelajar mempersiapkan diri menghadapi peperiksaan akhir kod kursus Matematik. Program ini berlangsung selama satu hari yang bermula pada jam 8 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang.

Sesi sebelah pagi telah diadakan di Dewan Kuliah Judan. Sesi pagi dimulai dengan taklimat ringkas berkenaan pelaksanaan program yang telah disampaikan oleh Dr. Muhammad Shahimi bin Ariffin. Sesi seterusnya disambung dengan sesi *ice breaking*. Slot *ice breaking* telah dikendalikan oleh Encik Akmal Shafiq bin Badarul Azam yang merupakan salah seorang pensyarah FSKM. Sesi perkongsian pengalaman dan motivasi kepada peserta turut diselitkan dalam slot di awal pagi ini. Bermula jam 9 pagi, para peserta didedahkan dengan perkongsian berkenaan persediaan umum dalam menghadapi peperiksaan akhir. Sesi perkongsian ini disampaikan dengan jayanya oleh PM Dr. Tang Howe Eng. Pengisian di sebelah pagi disambung pula dengan sesi tips menjawab soalan peperiksaan akhir. Bagi kod kursus MAT037, sesi ini telah disempurnakan oleh Cik Sarah Farhana binti Zamalik yang merupakan *Resource Person* bagi kursus MAT037. Untuk para peserta dari pra-diploma Sains, sesi ini dikendalikan oleh Puan Tracy Adeline anak Ajol. Para peserta diberi rehat selama 1 jam 30 minit untuk makan tengah hari dan solat Zohor.

Untuk pengisian aktiviti sebelah petang pula, para peserta dipecahkan kepada beberapa kumpulan kecil dan setiap kumpulan dibantu oleh seorang fasilitator. Barisan fasilitator terdiri daripada kalangan pensyarah FSKM, UiTM Kampus Mukah, yang sangat komited dalam melaksanakan tanggungjawab untuk mencurahkan ilmu kepada anak bangsa. Sesi pada sebelah petang merupakan sesi *hands-on*. Para peserta telah diberikan set soalan mengikut format peperiksaan akhir dan mereka diminta untuk menjawab soalan tersebut. Setelah itu, sesi perbincangan jawapan bersama fasilitator diadakan setelah peserta selesai menjawab soalan. Dalam slot ini, fasilitator memberikan bimbingan secara *one-to-one* kepada para peserta. Para peserta menunjukkan sikap yang sangat positif, di mana kehadiran ke sesi bengkel ini adalah pada tahap yang sangat memberangsangkan. Para peserta juga menunjukkan komitmen yang sangat luar biasa.

Rata-rata peserta menunjukkan penglibatan yang sangat aktif dengan mengemukakan soalan serta memberikan maklum balas yang sangat baik sepanjang bengkel berlangsung. Impak yang positif turut ditunjukkan melalui pencapaian para peserta dalam peperiksaan akhir. Majoriti peserta menunjukkan pencapaian yang sangat memuaskan dan statistik kegagalan kod kursus Matematik melebihi 25% dapat dikurangkan untuk sesi peperiksaan Februari 2026 yang lepas. Ini jelas membuktikan bahawa program seperti ini wajar diteruskan pada semester akan datang bagi memastikan prestasi akademik pelajar UiTM kekal pada tahap yang cemerlang.



Para peserta bergambar bersama barisan penceramah dan fasilitator program

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

